

Analisis Laporan MAIK Mengenai Ajaran Sesat dan Murtad Sebelum Perang Dunia Kedua

Analysis of Maik Reports on Heresy and Apostasy Before the Second World War

Haryati Hasan

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
Email: haryatie@fsk.upsi.edu.my

Published: 14 September 2022

To cite this article (APA): Hasan, H. (2022). Analysis of Maik Reports on Heresy and Apostasy Before the Second World War: Analisis Laporan MAIK Mengenai Ajaran Sesat dan Murtad Sebelum Perang Dunia Kedua. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 38–49. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.4.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.4.2022>

Abstrak

Berdasarkan analisis terhadap laporan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada sebelum Perang Dunia Kedua terdapat pelbagai masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Kelantan seperti masalah pelacuran, khalwat dan bersekedudukan, rogol, ajaran sesat dan murtad. Perbincangan artikel ini memfokuskan kepada bentuk ajaran sesat iaitu ajaran yang menyimpang daripada sudut akidah, syariat atau ibadat, rukun Islam dan syariat tetapi bukan rukun Iman serta kombinasi akidah dan syariat. Selain itu, artikel ini membincangkan mengenai latar belakang penyebar ajaran sesat seperti jantina, bangsa dan faktor tarikan individu berkenaan. Seterusnya, artikel ini juga mencerakinkan pelbagai faktor berlakunya masalah murtad dalam kalangan segelintir masyarakat Melayu Islam Kelantan. Antara faktor yang dikenal pasti ialah kurang kefahaman terhadap agama Islam, percintaan dan perkahwinan dengan pasangan yang bukan beragama Islam. Dapatan kajian menunjukkan penyebar ajaran sesat terdiri dalam kalangan lelaki sementara wanita pula lebih ramai murtad berbanding lelaki. Selain itu, analisis ke atas laporan MAIK juga menunjukkan ada dalam kalangan mereka yang telah murtad menyesal dan kembali kepada Islam dan ada yang kekal murtad. Penyebar ajaran sesat pula terus gigih menyebarkan ajaran mereka kerana berpegang kepada prinsip mereka menyampaikan ajaran yang benar dan bukan yang menyesatkan sebagaimana yang didakwa oleh pihak MAIK. Kewujudan laporan MAIK ini diharapkan mampu memberi latarbelakang kefahaman mengenai masalah akidah yang melanda masyarakat Melayu Islam Kelantan khususnya dan Malaysia amnya pada sebelum Perang Dunia Kedua.

Kata kunci: MAIK, Ajaran Sesat, Murtad, Bentuk, Faktor

Abstract

Based on the analysis of the Islamic Religious Council and Malay Kelantan Ceremony (MAIK) conducted during the Second World War, there were many social problems that occurred among the people of Kelantan, including prostitution, solitude and cohabitation, rape, heresy and apostasy. The discussion of this article focuses on the form of heretical teachings that deviate from the faith, syariah or worship, the syariah pillars of Islam and the syariah but not the pillars of faith as well as the combination between the faith and the syariah. In addition, this article discusses the background of heretics such as gender, race and individual attraction factors. Furthermore, this article also decomposes various factors that cause the problem of apostasy among a handful of Kelantan Malay Muslim community. Among the factors identified were a lack of understanding of Islam, romance and marriage with non-Muslim couples. The findings of the study show that the spread of heresy is among men while women are more apostate

than men. In addition, the analysis on the MAIK report also shows that there are those who were apostatized, regretted and returned to Islam with some still remained apostates. The preachers of heretical teachings continue to spread their teachings as they adhere to their principles of conveying true and not misleading teachings as claimed by MAIK. The existence of this MAIK report is expected to provide a background understanding of the problems of heresy and apostasy that hit Kelantan Malay Muslim community in particular and Malaysia in general during the Second World War.

Key word: MAIK, Heresy, Apostasy, Form, Factors

Pengenalan

Masalah ajaran sesat dan murtad bukan merupakan fenomena baharu dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Muthakir ini, isu ajaran sesat menjadi fokus akhbar tabloid harian. Selain itu terdapat dalam kalangan segelintir masyarakat Islam yang memilih menukar agama kerana berkahwin dengan pasangan yang beza agama. Sungguh pun kedua isu ini kurang diberi perhatian berbanding isu salah laku seksual (Haryati Hasan, 2015; Haryati Hasan, Nizamuddin Alias, Siti Noranizahhafizah and Husna Husain, 2019 dan Haryati Hasan, 2020) namun impaknya besar kepada kesucian agama Islam itu sendiri. Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan atau kini biasa disebut ringkas dengan nama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 17 Safar 1334 H bersamaan 24 Disember 1915 (Abdul Razak Mahmud, 2010) berperanan dalam menangani masalah akidah yang melibatkan ajaran sesat dan murtad di Kelantan. Artikel ini mengupas mengenai ajaran sesat yang dikesan berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Kelantan sejak tahun 1917. Perbincangan memperkatakan mengenai bentuk dan latarbelakang penyebar ajaran sesat. Selain itu, artikel ini turut membahaskan mengenai masalah segelintir masyarakat Melayu Islam Kelantan yang telah meninggalkan Islam atau murtad kerana didorong oleh pelbagai faktor.

Ajaran Sesat

Perbincangan mengenai ajaran sesat dibahagikan kepada dua tajuk kecil iaitu bentuk ajaran sesat dan latar belakang penyebar.

Bentuk Ajaran Sesat

Engku Ahmad Zaki menyatakan, ajaran sesat atau istilah lain iaitu ajaran salah, pencemaran akidah dan penyelewengan akidah merupakan:

“...sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.” (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007).

Menurut beliau lagi,

“... segala ajaran sama ada daripada aspek akidah, ibadah dan tasawuf yang menjelma dalam anutan dan pegangan hidup yang diresapi dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan syaria Islam seperti Batiniyyah, Hinduisme, Neoplatonisme, penafsiran menyeleweng daripada al-Quran, hadis serta menggunakan hadis palsu. Hasilnya segala ramuan yang teradun dan terangan rapi menjadi citra kepada apa yang diungkapkan sebagai ajaran sesat.” (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2010).

Berdasarkan analisis laporan MAIK menunjukkan terdapat empat bentuk ajaran sesat, yakni ajaran sesat yang menyimpang daripada akidah dan ajaran yang menyimpang dari segi syariat atau ibadat. Selain itu, terdapat ajaran sesat yang melibatkan syariat rukun Islam dan syariat tetapi bukan rukun Islam. Akhirnya, ajaran sesat yang melibatkan kombinasi akidah dan syariat. Menurut notis nombor 18 tahun 1917 ajaran sesat merujuk kepada;

“Barangsiapa seorang Islam hendak mengerjakan ibadat maka hendaklah diikuti mana2 ibadat yang benar oleh syarak yang mulia dan hendaklah dijauhi daripada tiap2 ibadat yang termasuk di bawah bidaah dolalah iaitu seumpama berzikir (meratib) dengan suara yang deras dan melompat2 atau merejam2 kaki pada ketika berzikir itu kerana yang demikian mendatangkan mudarat atas dirinya sendiri atau membawa menyakiti kepada jiran2nya maka kelakuan itu ditegah oleh syarak.” (MAIK, 82/1917).

Menyimpang Daripada Sudut Akidah

Umumnya, ajaran sesat merupakan ajaran yang menyimpang daripada pegangan umat Islam yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan. Permasalahan tersebut merupakan permasalahan yang besar kerana melibatkan akidah seseorang yang boleh menyebabkan seseorang itu tidak lagi dirujuk sebagai seorang Muslim (Siti Zubaidah Ismail, 2010). Ajaran sesat yang menyimpang dari segi akidah merujuk atau melibatkan zat Allah, Rasulullah S.A.W dan kesucian al-Quran.

Menurut laporan MAIK pada tahun 1917 dikesan ajaran sesat di Kelantan yang pengamalnya bertuhankan nyawa. Lebai Yusuf yang merupakan Guru Melawat Mukim semasa lawatannya ke Daerah Penggawa Tanjung telah berjumpa dengan seorang pengamal ajaran sesat yang bertuhankan nyawa yang dikenali sebagai Pakda Abu bin Wanik. Lebai Yusof telah menulis semula iktikadnya yang menyalahi ajaran Islam secara langsung daripada Pakda Abu (MAIK, 304/1917).

Berikut diperturunkan iktikad yang diamalkan oleh Pakda Abu;

Iktikad yang diamalkan oleh Pakda Abu

“Alif di tengah hidung dan lam alif bercabang di tengah batang hidung satu ke mata kanan inilah rupa () maka tatkala kita takbir kita telek biar nampak rupa alif tercacak di hadapan kita rupanya kuning sebab cahaya nabi Muhammad itu kuning tempat benih kita itu di pusat dan mula2 benih kita itu mata, maka benih itu tiada dosa dan tiada pahala hanya yang dosa pahala itu roh dan nyawa lam alif itulah nur Muhammad turun kepada angka () maka tersuluh angka itu Muhammad, maka pabila kita kenal tuhan Quran 30 itu kenal diri kita apabila kenal diri kita kenal tuhan sebab huruf Quran 30 itu di dalam diri kita maka sebenar2 tuhan kita itulah nyawa maka nyawa itu keluar daripada sifat wujud, maka kenal penghulu pada panji2 kuning melawan angin maka tatkala sampai ke bawah panji2 adalah di bawah panji2 itu tuhan dan penghulu rupanya seperti jari tiga batang inilah rupanya kiri III kanan nama gurunya Syed Hasan Kampung Kupak Fatani.”

Ajaran yang diamalkan oleh Pakda Abu tersebut ternyata menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Tambahan pula selawat beliau berlainan benar seperti mana yang telah disyariatkan oleh agama Islam. Selawatnya ialah *“Allahumma solli ala Muhammad, nak minta masukkan iman, Allahumma sollialaihi wasallam, nak minta masukkan Islam.”* (MAIK, 304/1917).

Sementara itu seorang lelaki yang dikenali sebagai Lebai Gudil bin Qasim pula beriktikad tidak wajib Allah bersifat dengan sifat 20. Menurut beliau, *“...tidak wajib bagi Allah Taala bersifat dengan sifat itu hanyalah harus sahaja. Dan wajib atas kita jua membilang hingga dua puluh itu.”* (MAIK, 100/1924). Iktikad beliau jelas bertentangan dengan ajaran Islam sebenar iaitu Allah wajib bersifat dengan sifat 20.

Selain itu, terdapat laporan berkenaan dengan seorang lelaki yang dikenali sebagai Lebai Embong dari Kampung Manik Urai, Kuala Krai yang memakai iktikad dengan meletakkan Nabi Muhammad S.A.W. seperti tuhan berbanding dengan Allah yang merupakan satu-satunya Tuhan bagi orang Islam. Iktikad yang dipegangnya adalah seperti berikut;

“...zat itu Allah, Allah itu Muhammad, Muhammad itu Adam, kita kata Allahuakbar, di dalam Muhammad itu sifatkan baniah, Muhammad itu tidak bersendi tulang, Muhammad itu Qadim, awal Muhammad itu rohani, zahir Muhammad itu robbani, Akhir Muhammad itu hasani 1. Allah belum lagi cukup bersifat, Muhammad sudah cukup sifatnya, Allah sama jadi dengan Muhammad, Muhammad menjadikan Allah, awal Muhammad, akhir Muhammad...” (MAIK, 262/1935).

Syariat atau Ibadat

Bentuk ajaran sesat yang melibatkan syariat atau ibadat turut diperkatakan dalam laporan MAIK. Ini dapat diperhatikan dalam laporan MAIK mengenai ajaran Mamat bin Deraman seperti berikut; (MAIK, 358/1935).

Ajaran Mamat bin Deraman

1. Mengajarlah Mamat itu dengan katanya tuhan ini Adam
2. Zakat perak seperti orang2 alim fatwa 25 atau 30 sampai zakat hisapan setahun itu tidak betul maka yang betulnya selagi ada rezeki makan hari-hari wajiblah zakat atas kita
3. Tok-tok imam hisab padi zakat pada anak-anak mukim itu zakat kepada bapa dia
4. Baca Fatihah Sirotollasinaanamta dan baca Kulyaaiyuhalkafirun dengan Walaantumabidunamaakbud dengan nun antum dan buang alif pada akbud. Kalau orang-orang menanya bacaan apa begitu jawab bahasa Qiraat.
5. Sembahyang mengadap ke Baitullah itu (___) orang2 tua sahaja dan kalau orang duduk sebelah matahari jatuh boleh sembahyang membelakangkan kiblat (Baitullah).
6. Pakai terompah kayu haram siapa2 pakai itulah orang-orang jahil.
7. Nikah janda itu sah dengan tidak wali dengan syarat laki2 dan perempuan itu wakil kepada imam kerana janda itu tidak di bawah jagaan dan nafkah ibu bapa lagi.
8. Kita duduk sehari-hari ini hendaklah kita ingat betul2. Kalau kita ingat betul-betul pergilah buat dosa apa2 jadi tidak berdosa.
9. Kalau pakai pengajaran yang hamba ajar ini sempurnalah. Kalau tidak pakai jadi kafir Yahudi dan Nasrani.
10. Hari2 buat dusta mengaku diri Sayed serta suruh isteri berbahasa dengan dia itu mengaku hal ikutlah isteri si (___) itu.”

Ajaran nombor lima (5) misalnya menyebut, “Sembahyang mengadap ke Baitullah itu (___) orang2 tua sahaja dan kalau orang duduk sebelah matahari jatuh boleh sembahyang membelakangkan kiblat (Baitullah)” (MAIK, 358/1935). Ajaran ini nyata bertentangan dengan Islam.

Selain solat, ajaran Mamat bin Deraman turut menyentuh mengenai zakat. Hal Ini dapat diperhatikan di dalam nombor dua (2) ajarannya, “Zakat perak seperti orang2 alim fatwa 25 atau 30 sampai zakat hisapan setahun itu tidak betul maka yang betulnya selagi ada rezeki makan hari-hari wajiblah zakat atas kita” (MAIK, 358/1935). Mengenai zakat juga turut disebut dalam nombor tiga (3) iaitu, “Tok-tok imam hisab padi zakat pada anak-anak mukim itu zakat kepada bapa dia” (MAIK, 358/1935). Solat dan zakat, merupakan rukun Islam selain daripada mengerjakan ibadah puasa, menunaikan zakat dan menunaikan ibadah haji.

Rukun Islam dan Syariat Tetapi Bukan Rukun Iman

Bentuk ajaran sesat yang ketiga berkaitan dengan syariat rukun Islam dan syariat tetapi bukan rukun Islam. Bentuk ini dapat dikesan daripada ajaran yang disampaikan oleh Mamat bin Deraman (MAIK, 358/1935). Di dalam ajaran beliau Rukun Islam adalah secara khas atau khusus yakni beliau menyebut tentang zakat (no. 2 dan no. 3). Beliau juga turut menyentuh tentang sembahyang (no. 5). Ibadat umum yang disebut oleh beliau berkaitan dengan beberapa perkara misalnya;

- i- Pakai terompah kayu haram siapa2 pakai itulah orang-orang jahil.

Nikah janda itu sah dengan tidak wali dengan syarat laki2 dan perempuan itu wakil kepada imam kerana janda itu tidak di bawah jagaan dan nafkah ibu bapa lagi

Ajaran tersebut jelas mengandungi perkara yang karut dan bertentangan dengan ajaran Islam seperti memakai terompah kayu adalah haram. Kesesatan ajaran Mamat tersebut mudah dipertimbangkan oleh akal fikiran yang waras. Walaupun tidak diketahui sejauh mana pengaruh ajarannya dalam masyarakat setempat tetapi mereka yang mengetahui berkenaan dengan kesesatan ajaran Mamat telah melaporkan kepada pihak MAIK untuk diambil tindakan (MAIK, 358/1935). Selain itu, dalam ajarannya juga terdapat suatu unsur psikologi apabila menyatakan bahawa mereka yang tidak mengamalkan ajarannya menjadi Yahudi dan Nasrani. Jelaslah bahawa, penyebar ajaran sesat menggunakan pelbagai kaedah dan strategi supaya umat Islam mudah terpengaruh dan menjadi pengikut kepada ajaran yang disampaikan oleh mereka.

- ii- Kombinasi akidah dan syariat

Berdasarkan analisa ke atas laporan MAIK, ternyata bentuk ajaran sesat turut melibatkan kombinasi antara akidah dan syariat. Dalam ajaran En. Umar misalnya beliau mengaku menjadi wali dan pengganti Rasulullah (s.a.w.). Selain itu, laporan MAIK turut menyebut lelaki berkenaan turut tidak menunaikan solat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam. Sungguh pun begitu, beliau dikatakan dihormati oleh masyarakat setempat kerana mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi. Beliau juga dikatakan menggunakan gelaran tok guru dalam berinteraksi dengan masyarakat setempat. Sesiapa yang berurusan dengannya dan tidak memanggilnya dengan panggilan tersebut beliau akan memarahi orang berkenaan (MAIK, 429/1940). Nampaknya beliau bukan sahaja terpesong dari segi akidah dan ibadat bahkan merupakan seorang yang riak kerana gelaran “Tok Guru” kedudukannya dipandang tinggi dan dihormati dalam kalangan masyarakat.

Ajaran En. Umar, sungguh pun terpesong dari segi akidah dan syariat, namun beliau dikatakan mempunyai pengikutnya yang tersendiri. Menurut laporan MAIK, ajarannya berjaya meraih ramai pengikut khususnya dalam kalangan wanita. Menurut Ibrahim bin Awang yang melaporkan hal tersebut, beliau menggambarkan bahawa:

“Banyak orang perempuan pergi menyerah diri kepadanya akan sebagai serah hingga tiada senonoh akalnya dan mengata syaitan kepada lakinya dan menantunya dan bila tok wali itu menyuruh orang kira bercerai antara berkelamin itu dan banyak orang perempuan iktikad tok wali tiada sembahyang pun tiada mengapa kerana ia orang lebih dukacita saya kerana fitnah itu sedang menarat sekarang ini.” (MAIK, 429/1940).

Berdasarkan kenyataan Ibrahim menunjukkan kebimbangan beliau terhadap penyelewengan yang dibawa oleh En. Umar kepada masyarakat setempat yang majoritinya beragama Islam. Kegiatan tersebut jika tidak dibendung akan mengakibatkan kesucian Islam dinodai dan maruah negeri Kelantan tercalar. Seharusnya golongan “parasit” seperti ini tidak dibiarkan tumbuh membiak di dalam masyarakat Melayu

yang beragama Islam. Oleh itu, keprihatinan MAIK dalam menangani masalah ajaran sesat ini sewajarnya perlu dihargai.

Latar Belakang Penyebar

Selain bentuk ajaran, latar belakang penyebar turut dikesan dalam laporan MAIK. Hal ini termasuklah mengenai gender dan tempat kegiatan, bangsa dan perwatakan atau daya tarikan. Semua penyebar ajaran sesat adalah dalam kalangan lelaki, mereka terdiri daripada Pakda Abu bin Wanik yang menyebarkan ajaran sesat pada tahun 1917 di daerah Tanjung Pauh (MAIK, 304/1917). Pada tahun 1924, seorang yang bernama Gudil bin Qasim dari Kampung Kebakat. (MAIK, 100/1924). Pada tahun 1930-an tiga orang lelaki dikesan sebagai penyebar ajaran sesat. Pada tahun 1934 misalnya, lelaki berkenaan dikenali sebagai Pak Chik Keramat dari Kampung Saring Mukim Senak (MAIK, 164/1934). Ajaran Pak Chik Keramat jauh tersasar dari kebenaran dan sukar difaham. Berikut adalah sebahagian daripada ajaran beliau:

Ajaran Pak Chik Keramat

- (I)
Alhamdu sarung lillahi hati robbi nyawa arrohmani rahsia arrohimi cahaya Malikiyaumiddin kulit iyyakanakbudu kepada waiyyakanastain darah Siroto daging mustakim hidung lazi telinga anamta labu punggung Ghoiril pedu marghdu jantung bi tulang alaihim batu za tulang waladdo fana lima
Amin famannar
- (II)
Alif awal kita ba dengun kita ta telinga kita sa salam kita jim jambatan kita ha hakikat kita
Dal dalil kita ro rahmat kita sin sakit kita syin mati kita sod sihat kita To doif kita ain ilmu kita ghin ghaib kita fa yatim ita kaf keramat kita Mim malam kita.

Sementara itu, pada tahun 1935, pihak MAIK menerima maklumat tentang dua orang lelaki yang menyebarkan ajaran sesat di dua buah mukim yang berbeza iaitu Mamat bin Deraman dari Kampung Padang Bongor (MAIK, 358/1935) dan Lebai Embong bin Awang Kechik dari Kampung Manik Urai (MAIK, 262/1935). Sehingga meletusnya perang Dunia Kedua, pihak MAIK telah bertindak ke atas seorang lelaki yang bernama En. Umar kerana menyebarkan ajaran sesat di kampung Wakaf Bahru (MAIK, 429/1940).

Dari sudut bangsa pula penyebar ajaran sesat bukan sahaja dilakukan oleh bangsa Melayu yang beragama Islam bahkan ada dalam kalangan bukan Melayu. Dalam hal ini, MAIK telah menerima laporan berkenaan dengan seorang lelaki yang tidak diketahui namanya tetapi merupakan seorang berbangsa India, berjanggut panjang dan lanjut usianya telah menyebarkan ajaran sesat kepada masyarakat di Mukim Pendek, Kota Bharu khasnya kepada golongan kanak-kanak. Dalam laporannya Nik Mahmud menyatakan bahawa:

“...semenjak beberapa2 bulan dahulu kita menyelidik juga budak2 kita itu tetapi sia2 sahaja. Sebab nampaknya tiap2 yang bergantung dengan apa pengajarannya yang telah diterima dan diamal itu sangatlah ia susah pada menzahirkan dan sangat kasih kepada Keling gurunya itu. Khabarnya ia memberi fatwa sembahyang lima waktu dan puasa bulan Ramadhan itu jikalau kita tidak buat tidak apa. Dan kesudahan terima ilmunya itu berkelubung di dalam kain putih panjang lima hasta dan minum susu bersekali dengannya di dalam selimut kelubung kain itu. Nik Mat bin Nik Le yang duduk di atas rumah kita ini ada royak (beritahu) juga kepada kita yang Keling itu telah bercakap panjang dengannya atas maksud hendak menarikan keinginan berguru kepadanya tetapi kita telah tegah selalu walaupun cuma ia hendak mengambil tahu sahaja kerana setahu kita tiap2 orang yang menuntut itu sangatlah kasih kepadanya dan tidak

dibuka apa rahsia dan ilmu yang dapat, oleh itu kita takut punah Nik Mat itu..." (MAIK, 68/1932).

Perwatakan dan penampilan merupakan elemen yang boleh dianggap penting. Hal ini kerana seseorang akan mudah tertarik dengan mereka yang berperwatakan baik dan alim. En. Umar misalnya meminta para pengikutnya memanggil beliau dengan panggilan Tok Guru (MAIK, 429/1940). Masyarakat setempat pula dengan mudah memanggilnya dengan panggilan tersebut kerana beliau dikatakan mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi. Selain itu, ada yang memakai gelaran Lebai (MAIK, 262/1935) bagi mengaburi mata masyarakat dalam menyampaikan ajaran mereka. Selain gelaran, penampilan berjanggut merupakan satu lagi ciri fizikal yang dapat dikesan dalam kalangan penyebarkan ajaran sesat (MAIK, 68/1932). Selain itu, terdapat laporan menunjukkan lelaki India berkenaan mempunyai suatu daya tarikan yang menyebabkan sesiapa sahaja mudah terpengaruh dengan ajarannya. Kelebihan tersebut telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau sehinggakan anak muridnya begitu mengasihi dan menyayanginya serta dapat menyimpan rahsia mengenai ajarannya.

Murtad

Masalah sosial yang berkaitan dengan akidah selain ajaran sesat ialah masalah murtad. Menurut Norhafiza Musa, murtad bermaksud:

"...tindakan seseorang Islam yang mukalaf dengan niatnya sendiri tanpa dipaksa oleh sesiapa tiba-tiba keluar dan menganut agama yang lain daripada Islam atau memalukan sesuatu sama ada melalui iktikad, perkataan atau perbuatan yang bercanggah dengan dasar-dasar Islam pada perkara-perkara yang diketahui oleh Islam secara umum dan mudah" (Norhafiza Musa, 2002).

Sementara itu, Arief Salleh Rosman pula menyatakan bahawa murtad merujuk kepada *"...seorang Muslim yang keluar daripada agama Islam sama ada dengan kepercayaan, perkataan dan perbuatan dan kehendaknya sendiri."* (Arief Salleh Rosman, 2001). Walau bagaimanapun, perkara yang ditekankan dalam Islam ialah mereka yang disabitkan murtad itu perlulah berakal, baligh dan atas pilihannya sendiri untuk murtad atau keluar daripada agama Islam.

Murtad boleh berlaku melalui tiga cara iaitu dengan iktikad, dengan perkataan dan dengan tindakan. Murtad dengan iktikad boleh berlaku apabila seseorang itu mempunyai iktikad atau kepercayaan yang bertentangan dengan Islam seperti mempercayai alam ini tidak ada penciptanya atau beriktikad bahawa al-Quran bukan daripada Allah S.W.T dan Nabi Muhammad S.A.W adalah pendusta atau Sayyidina ⁶Ali R.A sebagai Tuhan atau Rasul-Nya dan kepercayaan-kepercayaan lain yang bertentangan dengan al-Quran dan al-sunnah. (Paizah Haji Ismail, 2002).

Murtad dengan perkataan ialah mengeluarkan kata-kata yang dapat menunjukkan atau membawa kepada kekufuran. Contohnya seperti mengingkari ketuhanan dengan mengatakan bahawa Allah S.W.T tidak ada atau mengingkari keesaan Allah S.W.T dengan mengatakan ada sekutu bagi Allah S.W.T, mengaku menjadi Nabi S.A.W, mengingkari al-Quran, mengingkari hari akhirat dan lain-lain lagi (Paizah Haji Ismail, 2002).

Murtad dengan tindakan ialah melakukan perkara yang diharamkan oleh Islam dengan secara sengaja menolak pengharamannya atas tujuan menghina Islam atau mempersendakan, atau secara degil atau takabur. Contohnya seperti sujud kepada berhala atau mencampakkan al-Quran atau buku-buku hadis ke tempat yang kotor atau mempersendakan kandungan kedua-duanya. Termasuk juga dalam kategori ini ialah melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Islam dengan menghalalkannya seperti berzina dengan menolak dalil pengharamannya. Murtad juga boleh berlaku apabila meninggalkan suruhan Allah S.W.T

seperti meninggalkan apa-apa yang diwajibkan oleh Islam seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji dengan menafikan kewajipan atau menghalalkan peninggalannya. (Paizah Haji Ismail, 2002).

Faktor-Faktor Berlakunya Murtad Berdasarkan Laporan Maik

Berdasarkan laporan bertulis MAIK, yang bertarikh 1918 sehingga 1936 faktor-faktor berlakunya murtad dapat dicerakinkan kepada elemen percintaan, perkahwinan dan perceraian dengan lelaki bukan Islam serta menghina agama.

i-Percintaan

Laporan MAIK menunjukkan terdapat dalam kalangan wanita Melayu yang beragama Islam bersekedudukan dengan lelaki bukan Islam. Wanita berkenaan diperdayakan oleh pasangannya dengan janji manis seperti mahu “masuk Melayu” atau “masuk Jawi” yang bermaksud mereka mahu memeluk agama Islam. Menurut laporan yang bertarikh tahun 1920 itu, ada dalam kalangan wanita Melayu yang bersekedudukan dengan lelaki berbangsa Cina. Menurut laporan itu lagi, wanita berkenaan telah mengaku kepada pihak MAIK yang beliau telah murtad kerana mencintai lelaki Cina tersebut. Haji Wan Ahmad yang memegang jawatan penggawa dan imam di daerah Temangan melaporkan:

“...ada seorang Melayu perempuan namanya En. Mas duduk bersama2 dengan Cina tauke kedai arak Stesen Temangan telah beberapa lama dan saya telah menasihati kepadanya ia tidak dengar sehingga perempuan itu berkata yang dia sekarang telah berpaling hati daripada ugama Islam dan sekarang dia menjadi seorang Cina...” (MAIK, 374/1920).

Berdasarkan kenyataan tersebut jelas menunjukkan En. Mas telah mengaku keluar daripada agama Islam dengan “menjadi seorang Cina”. Namun, tidak dinyatakan oleh beliau secara terperinci tentang agama baharu yang dianutinya. (Victor Purcell, 1967).

Kes yang hampir sama turut dilaporkan kepada pihak MAIK oleh seorang wanita yang dikenali sebagai Mek Mah binti Mamat. Menurut wanita berkenaan seorang saudaranya yang bernama Mek Teh telah murtad. Menurut wanita itu lagi Mek Teh yang telah enam bulan bercerai dengan suaminya yang bernama Ali telah jatuh cinta dengan seorang lelaki berbangsa Cina. Menurut Mek Mah, *“...ia pun gila kepada seorang Cina yang duduk di atas Pulau Raya itu juga namanya Epot anak Che Kian. Ibu saya Lumat itu ada lagi pada masa itu ia larang Mek Teh tidak pakai ...”* (MAIK, 150/1932). Menurut laporan itu lagi, disebabkan cintanya yang mendalam kepada lelaki berbangsa Cina itu, Mek Teh sanggup meninggalkan agama Islam dan menyembah “tok pekong”.

ii-Perkahwinan

Laporan MAIK pada tahun 1932, turut menyebut ada dalam kalangan wanita yang beragama Islam bukan sahaja menjalinkan percintaan dengan pasangan bukan Islam bahkan hubungan tersebut berakhir dengan perkahwinan. Berikut adalah petikan kenyataan oleh Mek Teh kepada pihak MAIK:

“Saya menikah dengan Epot Cina itu dia tidak masuk Melayu, saya menikah cara sembah tok pekong, jadi saya sembah tok pekong juga. Saya sembah sekali itu sahaja, jikalau hari besar Cina saya tidak sembah, saya ganti anak suruh dialah sembah, di dalam masa laki bini dengan Epot itu saya ikut agama dialah di dalam hati saya pun percaya kepada tok pekong sampai sekarang pun hati saya kekal di dalam agama Cina ikut anak saya itu. Cucu pun ada dengan menantu orang Cina. Saya di dalam fikir lagi hendak balik kepada ugama Melayu itu.” (MAIK, 150/1932).

Berdasarkan kenyataan Mek Teh tersebut jelas menunjukkan beliau telah murtad. Keengganan pasangannya yang berbangsa Cina untuk memeluk agama Islam merupakan alasan Mek Teh untuk mengalah dan kemudiannya memeluk agama pasangannya. Menurut laporan itu lagi, tindakan Mek Teh berkahwin dengan pasangannya yang berbangsa Cina dan bukan beragama Islam itu barangkali didorong oleh perasaan kecewanya kerana dua perkahwinan terdahulu dengan pasangan beragama Islam telah mengalami kegagalan dan berakhir dengan perceraian (MAIK, 150/1932). Namun, perkahwinan kali ini pula beliau telah gagal membawa pasangannya menganuti Islam. Beliau pula mengambil pendekatan untuk mengalah kerana menyedari telah mempunyai zuriat dengan pasangannya yang berlainan agama itu.

Laporan MAIK turut menjelaskan mengenai anutan agama dalam kalangan anak Mek Teh. Seperti kedua ibu bapanya salah seorang anak Mek Teh telah berkahwin dengan lelaki berbangsa Cina yang berasal dari jajahan Kuala Krai. Hal ini menunjukkan beliau gagal membawa anaknya kembali kepada agama Islam. Jelasnya semua ahli keluarga ini telah murtad. Mereka menjadi penyembah ‘tok pekong’. Masalah jahil dalam kalangan orang Melayu Kelantan waktu itu, bukanlah hal yang luar biasa. Mereka setakat mengetahui tentang Islam tetapi tidak menghayati ajaran Islam yang sebenar.

Dalam laporan lain MAIK turut menyebut tentang perkahwinan dalam kalangan wanita Melayu dengan lelaki bukan Islam berbangsa Siam. Isu ini dapat diperhatikan di dalam laporan Bilal Chik dari surau Kemasin kepada pihak MAIK;

“Seorang perempuan Melayu namanya Piyah anak Mat Diah Kampung Tawang lebih kurang setahun dia ada duduk bersekali dengan seorang Siam lelaki nama Eyang anak Menora Bulat seperti orang laki bini sekarang duduk di rumah Eyang itu Kampung Bali Mukim Kemasin. Saya dengar khabar menyatakan dia yang bernikah dengan ugama Siam. Bunyinya Botak bin Merah dengan Mat Ali bin Haji Syarif Kemasin ada tengok pernikahan Siam itu. Orang yang menengok itu saya nanti bawa turun.” (MAIK, 65/1923).

Berdasarkan laporan daripada Bilal Chik tersebut jelas menggambarkan bahawa betapa rapuhnya pegangan agama Piyah. Beliau sanggup meninggalkan agama Islam untuk bersama dengan pasangannya yang bukan beragama Islam. Implikasi murtad bukan hanya kepada wanita berkenaan bahkan diteruskan pula oleh anak-anak mereka. Kes ini dapat diperhatikan di dalam kes Mek Teh yang berkahwin dengan lelaki bukan Islam yang berbangsa Cina dan kemudiannya anak perempuan beliau turut mengikuti jejak langkah pasangan berkenaan seperti kata pepatah “ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi”.

iii-Perceraian

Perceraian turut dikesan sebagai punca berlakunya murtad. Menurut laporan MAIK yang bertarikh tahun 1918, terdapat kes menunjukkan seorang lelaki mualaf berbangsa Cina telah murtad setelah bercerai dengan pasangannya yang beragama Islam. Menurut laporan Haji Abdullah bin Muhammad yang merupakan Imam Tua Surau Pauh Sembilan kepada pihak MAIK, beliau mendapati terdapat seorang lelaki berbangsa Cina yang bernama Kunder. Lelaki berkenaan ingin berkahwin dengan wanita Melayu yang dikenali sebagai Kalsom. Menurut beliau, pasangan berkenaan telah dinikahkan olehnya setelah Kunder mengaku memeluk agama Islam di Kota Bharu dengan memakai nama Muhammad. Namun begitu, lima hari kemudian, Kalsom telah berjumpa dengan beliau dan mengadu kepadanya yang Kunder (Muhammad) belum lagi berkhitan. Menurut Kalsom lagi, tidak lama kemudian Kunder telah menceraikan beliau di hadapan Imam Surau Saring yang bernama Haji Soleh. Haji Abdullah juga dimaklumkan oleh Kalsom yang beliau mendapat khabar bahawa Kunder telah kembali kepada agama asalnya (MAIK, 60/1918). Dalam kes tersebut, kemungkinan tindakan Kunder keluar daripada agama Islam kerana Kalsom tidak dapat menerimanya setelah mengetahui bahawa beliau belum lagi berkhitan. Selain itu, kemungkinan Kunder merasa malu kerana tindakan Kalsom yang memberitahu Haji Abdullah berkenaan dengan masalah rumahtangga mereka terutama tentang dirinya yang belum berkhitan.

Mengikuti ajaran Islam, apabila orang bukan Islam mahu berkahwin dengan pasangannya yang beragama Islam, mereka wajib memeluk agama Islam terlebih dahulu. Jika mereka enggan berbuat demikian, perkahwinan tersebut diharamkan di sisi agama Islam. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan wanita Islam khususnya yang terlalu mengikut hawa nafsu sehingga mereka sanggup mengetepikan larangan agama Islam. Isu bersekedudukan antara wanita Melayu Islam dengan pasangan yang bukan beragama Islam bukanlah fenomena asing dalam kalangan masyarakat Kelantan. Hal ini, telah disebut di dalam laporan MAIK. Sungguhpun kes ini tidak menular secara meluas dalam kalangan masyarakat Kelantan, namun ada segelintir yang berbuat demikian sehingga dilaporkan hidup bersekedudukan untuk tempoh jangka masa yang lama sehingga melahirkan anak. Walau bagaimanapun, di akhirnya mereka mulai sedar kekhilafan dan dosa yang dilakukan. Ada dalam kalangan wanita yang telah murtad membuat keputusan kembali kepada agama Islam.” (MAIK, 420/1920). Laporan tahun 1920 itu menyebut:

“Seorang perempuan Islam yang telah duduk dengan Cina Kee Hong Tanah Merah itu sehingga dapat seorang anak sekarang perempuan itu tidak mahu lagi duduk dengan Cina itu dan anaknya itu laki-laki berumur 6 tahun sekarang ada di Pasir Mas”. (MAIK, 420/1920).

Perkahwinan dengan bangsa lain memerlukan pengorbanan yang bukan sedikit. Walaupun dalam laporan tersebut tidak dinyatakan sama ada wanita Melayu berkenaan berkahwin atau tidak dengan lelaki berbangsa Cina yang bernama Kee Hong namun yang pasti wanita berkenaan telah mengaku murtad. Menurut laporan itu lagi, wanita berkenaan ingin kembali kepada agama Islam. Selain itu, wanita berkenaan membuat keputusan untuk berpisah dengan suaminya Kee Hong disebabkan perbezaan adat dan budaya. Beliau masih gagal menyesuaikan diri sepenuhnya misalnya dengan makanan kaum Cina walaupun telah sembilan tahun hidup bersama pasangannya.

iv-Hina Agama

Berdasarkan laporan sebelum ini, kebanyakan laporan mengenai murtad yang dilaporkan kepada MAIK adalah berkenaan dengan masalah percintaan. Walau bagaimanapun, terdapat juga laporan murtad yang disebabkan oleh perkataan yang menghina agama Islam. Tindakan tersebut telah menyalahi syariat Islam dan secara langsung terkeluar daripada agama Islam (Abdul Monir Yaacob, 1995).

Abdul Majid di dalam kenyataannya kepada pihak MAIK menyatakan bahawa “...saya sudah bercampur dan bergaul dengan syaitan ini maka itulah saya daftar rahsianya yang ia itu bukan Islam benar ia mengejek2kan ugama kita yang ramai dan juga bermain2kan ugama Allah.” (MAIK, 283/1936). Menurut laporan itu lagi, orang yang dimaksudkan merujuk kepada seorang lelaki yang bernama Muhammad Nur dan beliau dikatakan telah menghina agama Islam. Walau bagaimanapun, dalam laporan tersebut Abdul Majid tidak pula menyatakan dengan lebih terperinci apakah bentuk ejekan dan penghinaan terhadap agama Islam yang telah dilakukan oleh Muhammad Nur. Tindakan beliau tersebut jelas disebabkan kejahilan dan lemahnya penghayatan terhadap ajaran Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan beberapa laporan berkenaan dengan ajaran sesat yang telah dinyatakan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa kejahilan dan kurangnya penghayatan terhadap ajaran Islam menyebabkan mereka mudah terpesong daripada ajaran Islam sebenar. Bagi penyebar dan pengamal ajaran sesat tersebut, mereka mungkin terkeliru dengan ajaran Islam sebenar disebabkan kejahilan, kurangnya kefahaman, terpengaruh dengan ajaran sesat gurunya dan merasakan dirinya benar. Hal inilah yang menyebabkan mereka tidak sedar bahawa mereka telah jauh terpesong walaupun mereka masih lagi menggunakan ayat-ayat al-Quran. Tambahan pula, masyarakat sekeliling juga sebahagiannya tidak mengambil peduli mengenai hal tersebut kerana tahap kefahaman dan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam juga agak lemah yang akhirnya

menyebabkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar menular ke dalam masyarakat tanpa disedari.

Secara keseluruhannya, pelbagai ajaran sesat telah dilaporkan kepada MAIK berdasarkan laporan bertulis (fail-fail MAIK) iaitu sebahagiannya berjaya mempengaruhi orang Islam lain untuk mengamalkan dan menjadi pengikutnya. Dengan demikian, penyebar ajaran sesat yang mempunyai daya penarik, petah berbicara dan bijak menggunakan strategi psikologi mudah mempengaruhi orang lain untuk menjadi pengikutnya. Hakikatnya, pengamalan ajaran sesat berkait rapat dengan akidah seseorang kerana jika jelas bertentangan dengan ajaran Islam mereka disabitkan murtad atau terkeluar daripada agama Islam.

Masalah murtad pula merupakan salah satu masalah sosial yang melanda masyarakat Islam di Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Daripada laporan MAIK tersebut, jelaslah bahawa pelbagai punca boleh mengakibatkan seorang itu murtad seperti meninggalkan agama Islam untuk bersama pasangannya yang bukan Islam dan menghina agama Islam. Mereka yang pada asalnya adalah Islam boleh dikatakan murtad melalui kepercayaan, perkataan dan perbuatan yang jelas menunjukkan mereka menolak Islam. Hal ini juga memberi gambaran bahawa kejahilan dan lemahnya penghayatan terhadap ajaran Islam menyebabkan berlakunya masalah murtad dalam kalangan segelintir masyarakat Islam Kelantan. Sebahagian kes menyatakan dengan jelas bahawa mereka yang terlibat telah kembali semula kepada agama Islam setelah diberi nasihat dan ada pula yang dengan rela hati mahu kembali semula kepada ajaran Islam kerana menyesal atas keterlanjuran mereka itu. Berdasarkan laporan MAIK juga menunjukkan dari sudut gender kaum wanita lebih mudah menjadi murtad berbanding lelaki.

RUJUKAN

- Abdullah Fahim Hj. Ab. Rahman (1986). "Konsep Ahli Sunnah Waljamaah dan Kedudukannya di Malaysia". *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 6.
- Abdul Razak Mahmud (2010). *MAIK: Peranannya dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan di Kelantan sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob (1995). "Murtad Menurut Hukum Syarak dan Undang-undang". *Jurnal IKIM*. 3 (1). Jan/Jun.
- Arief Salleh Rosman (2001). *Murtad: Menurut Pandangan Islam*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). *Ajaran Sesat: Mengenal Jalan yang Terpesong*. Batu Caves: PTS Publication & Distributors.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2010). "Ajaran Sesat di Malaysia". *Jurnal Peradaban*. Vol. 3. Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Haryati Hasan (2015). "Faktor Berlakunya Pelacuran Berdasarkan Laporan MAIK". *SIPATAHOENAN South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education*. 1(2) October: 189-198.
- Haryati Hasan, Nizamuddin Alias, Siti Noranizahhafizah and Husna Husain (2019). "An Analysis of Maik's Role to Overcome Social and Moral Issues in Kelantan before the Second World War". *Jour of Adv Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-08: 2525-2530.
- Haryati Hasan (2020). "Masalah Salah laku Seksual di Kelantan, 1916-1941". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47 (3) December: 162-190.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/373094/17-ajaran-sesat-baharu-dikesan-tahun-lalu>.
- <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/03/395827/kes-mohon-murtad-tiada-kesudahan>
- <https://www.hmetro.com.my/tags/ajaran-sesat>;
- <https://www.sinarharian.com.my/article/102514/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Ajaran-sesat-kanser-dalam-masyarakat>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/77708/BERITA/Nasional/Murtad-virus-paling-bahaya>.

- MAIK, 82/1917, “Berkenaan dengan petua2 dan pembaca segala ilmu yang menyalah syariah Mohamadiyah”.
- MAIK, 304/1917, “Berkenaan dengan seorang nama Pakda Abu bin Wanik yang memakai ilmu salahnya pada jalan agama Islam (di dalam daerah Tanjung Pauh)”.
- MAIK, 60/1918, “Berkenaan dengan seorang Cina mualaf nama Muhammad yang dikahwin oleh imam Tanjung Pauh sekarang telah masuk ugama Cina balik (murtad)”.
- MAIK, 374/1920, “Reportkan seorang perempuan Melayu nama En. Mas duduk bersama2 dengan Cina Awang di Stesen Temangan sehingga perempuan itu berkata yang dia berpaling daripada ugama Islam”.
- MAIK, 420/1920, “Seorang perempuan Islam yang telah duduk dengan Cina Kee Hong Tanah Merah itu sehingga dapat seorang anak sekarang perempuan itu tidak mahu lagi duduk dengan Cina itu dan anaknya itu laki2 berumur 6 tahun sekarang ada di Pasir Mas”.
- MAIK, 65/1923, “Report seorang perempuan Melayu nama Piyah duduk dengan Siam nama Eyang khabar berkahwin dengan ugama Siam itu lebih kurang setahun dengan sekarang”.
- MAIK, 100/1924, “Report seorang nama Gudil bin Qasim Kampung Kebakat beriktikad salah pada jalan Ahlul Sunnah Waljamaah pada bicarakan sifat dua puluh. Iaitu ia iktikad tidak wajib bagi Allah Taala bersifat dengan sifat dua puluh itu hanyalah harus sahaja”.
- MAIK, 68/1932, “Menerangkan di dalam bandar Kota Baharu ada seorang Keling berjanggut panjang (barangkali En. Mamat yang dipanggil oleh murid2nya mursyid) mengajar ilmu salah sehingga mengharuskan tinggal sembahyang yang lima dan puasa Ramadhan”.
- MAIK, 150/1932, “Menerangkan Mek Teh binti Deris saudara seibu yang duduk di () itu telah berkahwin dengan seorang Cina nama Epot anak Che Kain telah dapat seorang anak perempuan nama Mek Tiang (Minah) sekarang menikah dengan Cina Kuala Kerai”.
- MAIK, 164/1934, “Berkenaan dengan seorang nama Pak Chik Keramat Kampung Saring Mukim Senak memakai dan mengajar ilmu salah pada hukum syarak bagi pengetahuan Majlis Ugama Islam”.
- MAIK, 262/1935, “Seorang nama Lebai Embong bin Awang Kechik Kampung Manik Urai memakai ilmu salah pada syariat Muhammadiyah”.
- MAIK, 358/1935, “Berkenaan dengan Mamat bin Derahman mengaku dirinya di dalam buku nikah Tuk Imam Padang Bungur dengan nama Long Mamat berkahwin dengan Lebir Paya Limbang dan mengajar ilmu2 yang salah serta ada beberapa orang saksi diminta Majlis siasat”.
- MAIK, 283/1936, “Berkenaan dengan seorang yang bernama Muhammad Nur yang dikatakan masuk ugama Islam fikirannya bukan Islam benar kerana mengejekkan ugama kita”.
- MAIK, 429/1940, “Menerangkan iaitu seorang nama En. Umar Kampung Wakaf Baharu telah mengaku menjadi wali dan pengganti Rasulullah”.
- Norhafiza Musa (2002). Peranan Institusi Dakwah dalam Menangani Masalah Murtad di Lembah Klang. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paizah Haji Ismail (2002). *Undang-undang Jenayah Islam*. (ed.3). Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.
- Purcell, V. (1967). *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Shakila Ahmad & Farawahida Mohd. Yusof (2002). *Ahli al- Sunnah wa al-Jamaah: Konsep Imam Mahdi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Zubaidah Ismail (2010). “Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran”. *Jurnal Syariah*. 18 (2), Mei/Ogos.